

30 SEP 2001

Abdullah-Afghanistan

PELAJAR PERGI KE AFGHANISTAN SENDIRI, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Kumpulan pelajar yang menerima latihan ketenteraan daripada puak Taliban, pergi secara persendirian atau mungkin dihantar oleh badan-badan sukarela tertentu ke Afghanistan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri hari ini berkata setakat ini tidak ada mekanisme untuk memantau kegiatan pelajar Malaysia di Afghanistan kerana ketiadaan jabatan penuntut seperti mana yang dibuat di negara-negara lain.

Kerajaan sendiri katanya tidak pernah mengadakan sebarang program menghantar pelajar negara ini ke Afghanistan.

Kerajaan hanya bertanggungjawab menghantar pelajar (mengikuti pengajian) di negara Islam seperti Mesir dan negara Asia Barat yang lain, katanya pada sidang media selepas melancarkan Senamrobik PDRM "Mesra Bersama Rakyat" di Taman Tasik Titiwangsa di sini.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Duta Afghanistan ke Malaysia Abdul Sattar Murad semalam yang mengesahkan kumpulan Taliban memberi latihan ketenteraan di Afghanistan kepada pelajar Malaysia yang menuntut di Pakistan.

Menyentuh penegasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia sebuah negara Islam pada Persidangan Perwakilan Nasional Gerakan semalam, Abdullah berkata sememangnya corak pemerintahan yang diamalkan di negara ini juga dilaksanakan di negara Islam yang lain.

"Dari segi pembangunan dan sistem perundangan kita dan cara pentadbiran kita adalah ciri-ciri yang juga dipakai dalam negara Islam lain," katanya.

Abdullah berkata dengan berlandaskan sistem yang ada sekarang, negara ini juga memberi segala kepesatan kepada masyarakat Islam untuk meningkat maju dan menjadi masyarakat Islam yang terbaik dalam segala aspek kehidupan

Di samping itu masyarakat bukan Islam di negara ini juga menerima baik ciri-ciri pentadbiran yang dilaksanakan kerajaan sekarang, katanya.

"Saya percaya rakyat dapat memahami bahawa selama ini apa yang kita usahakan untuk pembangunan negara, rakyat dan juga orang Islam, bukanlah sesuatu yang menafikan hak mereka untuk menjadi orang Islam yang baik," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata penerimaan masyarakat bukan Islam terhadap pentadbiran kerajaan jelas dapat dilihat melalui penglibatan mereka secara langsung dalam pelbagai institusi berteraskan Islam seperti institusi perbankan Islam.

Katanya di samping usaha ke arah pengwujudan institusi seumpama itu yang boleh dinikmati masyarakat Islam dan yang bukan Islam, keamanan dan keselamatan negara menjadi satu objektif yang sentiasa dipastikan wujud dalam negara ini.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata program "Mesra Bersama Rakyat" yang dianjurkan Polis Di Raja Malaysia perlu diteruskan untuk mengeratkan hubungan antara polis dengan rakyat.

Katanya aktiviti kecergasan seperti senamrobik beramai-ramai yang diadakan hari ini mampu mengukuhkan hubungan itu.

"Khidmat sukarela seperti ini mampu membantu memberi kesejahteraan hidup kepada rakyat. Saya juga berharap program seumpama ini akan dilaksanakan di tempat-tempat lain," katanya.

-- BERNAMA

FA AFY RON

